

Terma & Syarat Kempen Tabung Daily Bonus 2026

Kempen **MAE – Tabung Daily Bonus 2026** (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) (“**Maybank**”) dan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausu 2 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat. Tabung ialah produk konvensional dan Tabung Daily Bonus 2026 ialah Kempen konvensional.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada 25hb Mei 2026, pada jam 12:00:00 AM (MYT) dan tamat pada 24hb Ogos 2026, pada jam 11:59:59 PM (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] atau apabila mencapai had bonus maksimum, yang mana lebih awal. (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan

- a. Kempen ini terbuka kepada individu yang mempunyai akaun Maybank2u (M2U) aktif (termasuk pelanggan Maybank Anytime Everywhere (“**MAE**”) yang melaksanakan Mekanik Kempen (**seperti yang dinyatakan dalam Klausu 4.0**) melalui MAE oleh Maybank2u (juga dikenali sebagai “**aplikasi MAE**”) (versi 0.9.45 dan ke atas) (“**Platform Yang Layak**”).
 - i. Pelanggan boleh menyemak versi aplikasi MAE menerusi Apple App Store, Huawei App Gallery dan/atau Google Play Store.
 - ii. Pelanggan mesti memastikan bahawa Secure2u mereka didayakan dan diaktifkan pada peranti yang digunakan untuk Platform Yang Layak mengikut Klausu 2.0(a), yang mana berkenaan.
 - iii. Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Bagi individu di bawah umur lapan belas (18) tahun (“**Bawah umur**”), mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga yang sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan MAE adalah pengakuan kepada Maybank bahawa Kanak-Kanak di Bawah Umur telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaganya yang sah untuk menyertai Kempen ini. Terma dan Syarat ini akan dikenakan kepada serta mengikat ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur yang sah dan kesannya adalah sama seperti jika ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur adalah pihak yang bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.
- b. Semua pelanggan individu (termasuk semua kakitangan kumpulan Maybank) yang telah memenuhi kriteria di atas dalam klausu 2a (i, ii, iii) dan 4a (i, ii, iii) selepas ini akan dirujuk sebagai (“**Pelanggan Yang Layak**”).
- c. Kempen ini mempunyai had bonus maksimum dan atas dasar siapa cepat dia dapat.
- d. Kempen ini tidak terbuka kepada akaun Tabung yang dikongsi dengan pengguna lain (Tabung Kumpulan atau ‘Group Tabung’).

3. Pautan Akaun, Pulangan & Pengeluaran

- a. Tabung ialah produk konvensional. Semasa pembukaan Tabung, Peserta Yang Layak hendaklah memautkan Tabung sama ada kepada Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Daily Fund (CASA) atau Dompot MAE mereka sebagai akaun pendebitan yang ditetapkan.
- b. Baki Tabung yang dipautkan kepada CASA Maybank akan memperoleh faedah pada kadar semasa yang terpakai bagi Akaun Simpanan Kawanku. Baki Tabung yang dipautkan kepada Dompot MAE tidak akan memperoleh sebarang pulangan. Dengan pembukaan Tabung, Peserta

Yang Layak mengakui dan bersetuju dengan kaedah faedah yang terpakai berdasarkan akaun pendebitan yang dipilih.

- c. Jika membuat pengeluaran dana daripada akaun Tabung ke Dompot MAE, sila pastikan jumlah pengeluaran tersebut tidak menyebabkan baki Dompot MAE melebihi had yang ditetapkan, iaitu RM4,999.99 bagi pelanggan tanpa Kad Debit Visa MAE atau RM10,000.00 bagi pelanggan yang mempunyai Kad Debit Visa MAE.

4. **Mekanik dan Syarat Kempen**

a) **Bonus Harian (RM0.10)**

- i) Peserta Yang Layak mesti membuka Tabung dalam aplikasi MAE di bawah mana-mana kategori dan memasukkan perkataan **"Bonus"** dalam nama Tabung tersebut (contohnya **Bonus** Membeli-belah, **Bonus** Perjalanan dan sebagainya) Nama Tabung tidak boleh mengandungi sebarang aksara khas (**"Tabung Yang Layak"**).
- ii) Peserta Yang Layak mesti mengekalkan baki hujung hari (pada jam 11:59 malam) sebanyak RM850 atau lebih dalam Tabung Yang Layak dan mereka akan menerima RM0.10 yang akan dikreditkan ke dalam Tabung Yang Layak mereka pada hari berikutnya (T+1) dari tarikh kriteria baki hujung hari dipenuhi (sekiranya had maksimum bonus belum dicapai).
- iii) Peserta Yang Layak boleh memperoleh bonus harian dalam lebih daripada 1 akaun Tabung Yang Layak

b) **Bonus Cabutan Bertuah (RM50 untuk 2,000 pemenang)**

- i) Bonus Cabutan Bertuah ini hanya terbuka kepada Peserta Yang Layak daripada kempen Bonus Harian yang telah memenuhi kriteria sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 4(a)(i) dan 4(a)(ii). Peserta Yang Layak akan menerima satu entri ke dalam Cabutan Bertuah apabila mereka memindahkan minimum RM200 daripada bank atau e-dompot lain ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan Maybank atau Dompot MAE mereka sepanjang tempoh kempen. Proses Cabutan Bertuah akan dijalankan selepas Kempen tamat.
- ii) Semasa membuat pemindahan, Peserta Yang Layak hendaklah memasukkan perkataan **"BONUS"** dalam **ruangan wajib 'Rujukan Penerima'** (Nota: Istilah bagi medan 'Rujukan Penerima' mungkin berbeza mengikut bank atau e-dompot). Peserta yang memasukkan perkataan **"BONUS"** dalam medan 'Pilihan' yang bukan mandatori, biasanya dipanggil 'Butiran pembayaran' dan bukannya ~~medan~~ ruangan 'Rujukan Penerima' yang wajib **tidak** akan layak mendapat bonus cabutan bertuah ini. RM200 boleh dipindahkan melalui satu atau beberapa transaksi.
- iii) Setiap pemindahan sebanyak RM200 yang layak yang berjaya dilakukan sepanjang Tempoh Kempen melayakkan peserta menerima satu (1) entri ke dalam Cabutan Bertuah.

Contoh Senario Kelayakan Bonus Harian

Tarikh penciptaan Tabung	Nama Tabung	Baki Hujung Hari dalam Tabung	Kelayakan untuk Bonus Harian
1 Jun 2026	Bonus Perjalanan	RM850 dari 1 Jun hingga 31 Julai 2026	Layak – penamaan Tabung yang betul dengan perkataan "Bonus" dan baki minimum RM850 dalam Tabung. Jumlah pendapatan RM6.10 (61 hari x Bonus Harian RM0.10)
12 Jun 2026	Cuti Bonus Tokyo	1 Jun - Deposit RM850 dalam Tabung 2 Jun - mengeluarkan RM100 (baki semasa RM750)	Layak untuk bonus hanya pada 1 Jun. Tidak layak menerima bonus pada 2 Jun kerana baki dalam

			Tabung adalah di bawah keperluan minimum RM850.
2 Ogos 2026	Bonus Simpanan	RM700 pada 2 Ogos 2026	Tidak layak – tidak memenuhi baki hujung hari minimum sebanyak RM850
23 Mei 2026	Bonus Perkahwinan	RM850 pada 30 Mei 2026	Tidak layak kerana Tabung “Bonus” telah dicipta sebelum tarikh mula kempen iaitu 25 Mei 2026.
13 Ogos 2026	Bonus Perjalanan (tetapi menukar nama ke “Perjalanan” pada 14 Ogos 2026)	RM0 pada 13 Ogos 2026 RM850 pada 14 Ogos 2026	Tidak layak kerana penamaan Tabung adalah tidak betul (tiada perkataan “Bonus” dalam nama Tabung).
30 Ogos 2026 (dan had Bonus kempen telah dicapai pada tarikh yang sama)	Bonus Perjalanan	RM1,000	Pelanggan tidak lagi layak menerima bonus harian kerana had bonus kempen telah dicapai.
3 Julai 2026	Bonus Perjalanan Keluarga (Dicipta sebagai Tabung Kumpulan)	RM1,000	Tidak layak kerana kempen ini tidak terbuka kepada Tabung Kumpulan.

Contoh Senario Kelayakan Cabutan Bertuah RM50

(Nota: Hanya Peserta Yang Layak yang memenuhi kriteria sebagaimana dinyatakan dalam Klausa 4(a)(i) dan 4(a)(ii) layak menyertai Cabutan Bertuah. Senario ini terpakai kepada pelanggan tersebut sahaja.)

Tarikh pemindahan dana	Nama Tabung	Dana dipindahkan ke Maybank daripada bank/e-dompet lain	Kelayakan untuk Cabutan Bertuah RM50
29 Julai 2026	Bonus Perjalanan	RM200 (dengan perkataan “BONUS” dalam medan Rujukan Penerima wajib)	Layak untuk 1x penyertaan – Melakukan pemindahan RM200 ke Maybank semasa tempoh kempen.
2 Jun 2026	Cuti Bonus Tokyo	RM600 (dengan perkataan “BONUS” dalam medan Rujukan Penerima wajib)	Layak untuk 3x penyertaan – Melakukan pemindahan RM600 ke Maybank semasa tempoh kempen (setiap RM200 melayakkan 1x penyertaan).
1 Jun 2026	Bonus Percutian	Pemindahan dana RM100 pada 1 Jun dan satu lagi pemindahan RM300 pada 7 Jun (dengan perkataan “Bonus” dalam rujukan penerima wajib bagi kedua-dua pemindahan)	Layak untuk 2x penyertaan – Melakukan jumlah keseluruhan pemindahan RM400 ke Maybank semasa tempoh kempen (setiap RM200 melayakkan 1x penyertaan).
4 Ogos 2026	Bonus Kahwin	RM200	Tidak layak – tidak meletakkan perkataan “Bonus” dalam ruangan

		(dengan perkataan "Bonus" dalam medan "Butiran pembayaran pilihan")	mandatori "rujukan penerima" semasa melakukan pemindahan.
31 Mei 2026	Perjalanan	RM200 (letak "Perjalanan" dalam medan Rujukan Penerima wajib)	Tidak layak – tidak menggunakan kata kunci "Bonus" yang betul semasa melakukan pemindahan.

5. Pemenuhan Bonus Harian

- a. Pelanggan Yang Layak yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 4(a), 4(b), 4(c) akan layak mendapat bonus seperti yang ditetapkan.
- b. Jika bonus tidak diagihkan sepenuhnya dalam Tempoh Kempen, ia tidak akan dibawa ke hadapan ke mana-mana kempen yang akan datang.
- c. Sekiranya dana bonus yang tersedia hanya mencukupi untuk dikreditkan kepada satu (1) peserta tambahan, bonus tersebut akan diberikan kepada peserta yang mempunyai baki Tabung "Bonus" tertinggi. Sekiranya berlaku seri, keutamaan akan diberikan kepada peserta yang membuka Tabung "Bonus" pada tarikh paling awal.
- d. Maybank tidak akan meminta sebarang butiran perbankan seperti nombor kad kredit/debit dan Kod Kebenaran Transaksi bank (TAC), kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali sahaja (OTP) untuk Peserta Yang Layak menuntut bonus. Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa Maybank berhak untuk membatalkan penyertaan mereka dalam Kempen ini atau membatalkan sebarang bonus daripada Peserta Yang Layak jika:
 - i. Peserta Yang Layak didapati melanggar kewajibannya atau mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini.
 - ii. Walau apa pun perkara di atas, Maybank berhak untuk menolak sebarang penyertaan mengikut budi bicaranya yang munasabah tanpa memberikan sebarang sebab.
- e. Sekiranya had bonus dicapai sebelum tamat Tempoh Kempen, Maybank berhak untuk menamatkan Kempen lebih awal dengan mengeluarkan notis di laman Facebook rasmi Maybank.

6. Pemenuhan Bonus Cabutan Bertuah (RM50)

2,000 Pemenang bertuah akan dipilih (secara rawak) untuk memenangi hadiah wang tunai RM50 bagi setiap pelanggan. Setiap pemenang layak memenangi 1 (satu) hadiah wang tunai bernilai RM50 sahaja.

a. **Pemilihan Pemenang:**

Pemenang akan dipilih daripada kumpulan penyertaan Peserta Yang Layak. Proses pemilihan akan dijalankan menggunakan Program Rawak Maybank.

b. **Butiran Hadiah:**

Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Daily Fund yang paling baharu dibuka pemenang dalam tempoh empat puluh lima (45) hari bekerja selepas tarikh tamat

kempen.

c. **Pemberitahuan Pemenang:**

- i. Pemenang akan dimaklumkan dalam tempoh empat puluh lima (45) hari bekerja selepas 24 Ogos 2026.
- ii. Pemenang yang berjaya akan dimaklumkan melalui pemberitahuan tolak aplikasi (push notification) MAE dan diumumkan di laman sesawang rasmi Maybank di www.maybank2u.com.my dengan nama pemenang dan nombor akaun bank (4 digit terakhir).

Pemberian Hadiah adalah muktamad dan tidak boleh diubah suai tanpa kebenaran Maybank.

7. Terma dan Syarat Umum

- a. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- b. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- c. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- d. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.
- e. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
 - i)) tujuan Kempen; dan
 - ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- f. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.
- g. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- h. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- i. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.